

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1523-L10136
Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-
 - (a) usaha yang dilakukan Kementerian terhadap tabiat kurang membaca dalam kalangan rakyat Malaysia yang semakin merunsingkan; dan
 - (b) tindakan pemerkasaan Perpustakaan Negara setelah beroperasi lebih 50 tahun.

2. PN-1523-L10341
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) bagi menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan Lapangan Terbang Miri memandangkan jumlah kemasukan pelancong ke Sarawak semakin meningkat.

3. PN-1523-L10247
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri akan menubuhkan satu pusat sehenti untuk menangani pelbagai masalah teknikal yang akan timbul semasa peralihan kepada sistem e-Invois; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan menyediakan insentif untuk memudahkan peralihan kepada sistem e-Invois.

4. PN-1523-L10250
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah keberkesanan mekanisme kawalan harga yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan dan apakah langkah seterusnya bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat akibat kenaikan harga barang.
5. PN-1523-L10309
Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan pembinaan Lebuhraya Segamat-Tangkak-Muar FT23 sehingga kini dan apakah kekangan yang menyebabkan pakej 4, 5 dan 6 masih belum dapat disiapkan memandangkan isu kesesakan jalan raya kerap timbul di kawasan Tangkak.
6. PN-1523-L10416
Puan Noorita binti Suai minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam mengekang kandungan radikal dan ekstremisme khususnya konflik ' Hamas vs Israel ' di media sosial seperti di *TikTok*, *YouTube*, *Facebook*, *Whatsapp* dan lain-lain agar tidak menimbulkan kebencian dan panik dalam kalangan masyarakat yang memiliki kepelbagaian agama di Malaysia. Apakah langkah penyelesaian Kementerian dalam soal menerapkan nilai-nilai keamanan diseluruh negara melalui media massa.
7. PN-1523-L10602
Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
 - (a) jumlah terkini peserta Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Melaka; dan
 - (b) sejauh mana cabaran kenaikan kos sara hidup, barangan dan perkhidmatan mempengaruhi kelangsungan pertumbuhan dan perkembangan usaha niaga dan jualan produk sahabat-sahabat AIM.
8. PN-1523-L10508
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pelaksanaan Pelan Kebangsaan Pemerkasaan Ekonomi Belia bagi meningkatkan kebolehpasaran belia agar dapat keluar daripada belunggu pengangguran.

9. PN-1523-L10588
Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah Kementerian dalam menangani isu kekurangan guru di beberapa daerah dan negeri.
10. PN-1523-L10534
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini perubatan geriatrik di hospital awam termasuk penawaran peringkat sarjana dan sub kepakaran.
11. PN-1523-L10156
Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah dasar 1 peratus pekerja dari kalangan OKU yang disasarkan oleh Kerajaan boleh dimasukkan ke dalam Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022.
12. PN-1523-L10500
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan inisiatif sistem pemantauan bagi mengatasi ketirisan minyak masak paket bersubsidi.
13. PN-1523-L09950
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani pelanggaran protokol perolehan seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung pembelian 136 ventilator di mana 104 daripadanya tidak berfungsi serta apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan berulang pada masa hadapan.
14. PN-1523-L10221
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha Kementerian untuk mempergiatkan perpaduan berbagai kaum di negara kita terutamanya dalam komuniti yang berbilang bangsa dan bagaimana pencapaian program-program yang dilaksanakan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

15. PN-1523-L10620
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan (OP BPT) yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berjaya menumpaskan kegiatan mencatu serta menyembunyikan stok beras putih tempatan oleh peruncit.
16. PN-1523-L10315
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peratusan Lebuhraya Pan Borneo yang sudah lengkap serta bahagian lebuhraya yang manakah yang masih belum lengkap di negeri Sabah.
17. PN-1523-L10447
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan Kerajaan mengenai pemerkasaan mahkamah syariah dan usaha-usaha untuk menghalang kuasa mahkamah syariah daripada dicabar.
18. PN-1523-L09996
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu pelan induk bagi memajukan industri pertanian negara seiring dengan agenda Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) iaitu menuju negara berpendapatan tinggi melalui sektor *high-growth, high-value* (HGHV).
19. PN-1523-L09898
Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan masih meneruskan kerjasama ekonomi sub rantau melalui pakatan sedia ada seperti SIJORI untuk wilayah Selatan iaitu Singapura, Johor dan Riau, BIMP-EAGA untuk Borneo dan Kalimantan, dan IMT-GT untuk wilayah utara Indonesia, Malaysia dan Thailand; dan
 - (b) jika ya, apakah kegiatan yang dilaksanakan untuk merangsang perkembangan ekonomi negara.

20. PN-1523-L09845

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan impak perubahan iklim yang mampu menggugat pasaran tempatan, meningkatkan risiko ke tidak jaminan makanan, mengehadkan pertumbuhan ekonomi, menjejaskan pelaburan dalam sektor pertanian, meningkatkan pengangguran dan kehilangan punca pendapatan pekerja di Malaysia.

21. PN-1523-L10463

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat projek-projek bekalan air bersih yang dijalankan di perkampungan Orang Asli dan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan projek bekalan air di perkampungan Orang Asli di Gua Musang berfungsi dengan baik.

22. PN-1523-L10170

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil untuk mencegah kemungkinan berlakunya pecah amanah, rasuah dan penyelewengan di rumah-rumah ibadat setiap agama. Adakah SPRM bercadang untuk menyediakan garis panduan sebagai rujukan setiap badan pengurus rumah-rumah ibadat ini.

23. PN-1523-L09879

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan implikasi model Gaji Progresif bersifat sukarela yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dapat menangani jurang gaji dan kos sara hidup yang tinggi dan apakah peratusan terkini majikan berdasarkan sektor yang telah menunjukkan kesediaan untuk melaksanakan model Gaji Progresif ini.

24. PN-1523-L09988

Puan Susan Chemerai Anding minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah institusi *Ombudsman* sebagai pelengkap kepada agensi anti-rasuah dan Biro Pengaduan Awam (BPA) yang sedia ada dan bagaimanakah institusi ini akan berperanan untuk membawa penambahbaikan kepada tata kelola yang baik.

25. PN-1523-L10214

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan semasa serta penerimaan rakyat setakat ini berhubung transisi cukai jalan dan lesen memandu secara fizikal kepada digital.

26. PN-1523-L10073
Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jenis sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Wilayah Persekutuan Labuan dan perkembangan pelaksanaan tenaga solar di wilayah tersebut.
27. PN-1523-L09955
Datuk John Ambrose minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk mengawal harga tiket atau insentif penerbangan udara khusus untuk pelajar atau warga Sabah dan Sarawak yang menuntut pengajian di Semenanjung Malaysia.
28. PN-1523-L10565
Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan tindakan serta garis panduan terkini berhubung dengan penggunaan kalimah Allah selepas kes rayuan ini ditarik balik di mahkamah beberapa bulan yang lalu.
29. PN-1523-L10064
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mewujudkan Unit Kardiologi di Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis bagi mengelakkan pesakit daripada perlu ke luar daerah atau negeri untuk mendapatkan rawatan.
30. PN-1523-L10018
Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah aduan berkaitan penipuan dalam talian (*online scam*) yang masih berleluasa di negara ini; dan
 - (b) pendekatan yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan perkara ini.
31. PN-1523-L10340
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) jumlah pelajar anak Orang Asli yang bersekolah di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pada tahun 2023; dan
 - (b) jumlah pelajar yang dibekalkan dengan pakaian seragam sekolah yang lengkap dan berapakah peruntukan yang disediakan untuk membiayai pakaian seragam tersebut.

32. PN-1523-L10544

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan hasrat Kerajaan bagi meneruskan projek Kedah Aerotropolis yang diletakkan di bawah NCER, Kementerian Ekonomi.

33. PN-1523-L10166

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menangani isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan sehingga November 2023, berapakah jumlah operasi yang telah dilakukan oleh agensi dibawah Kementerian berhubung perkara ini.

34. PN-1523-L10555

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasrat Kerajaan bagi menyemak semula cas di premis kesihatan yang masih kekal RM1 yang menyebabkan Kementerian terpaksa berbelanja lebih dan cabaran Kementerian untuk menaikkan caj ini.

35. PN-1523-L09941

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Kementerian perlu mengambil guru secara kontrak berbanding dengan pengambilan tetap sedangkan negara menghadapi masalah kekurangan guru yang kronik.

36. PN-1523-L09921

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan keperluan penubuhan sekolah swasta Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di bawah naungan MARA bagi golongan berpendapatan tinggi. Apakah manfaat yang dapat diraih oleh Kerajaan dengan membenarkan inisiatif ini dijalankan oleh pihak swasta.

37. PN-1523-L09909

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jika terdapat sebarang inisiatif atau program yang memberikan perlakuan istimewa kepada usahawan tempatan supaya dapat berniaga di tapak tetap dalam pusat membeli-belah yang premium. Adakah terdapat usaha kerjasama dengan MARA dalam merealisasikan perkara ini.

38. PN-1523-L10049

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bilangan dan peratusan kes *medico-legal* dalam tempoh 10 tahun yang lepas yang berlaku disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja kesihatan mengikut piawaian norma kerja yang telah ditetapkan sehingga menjejaskan pengawasan rapi pesakit; dan
- (b) jumlah pampasan yang dibayar untuk kes-kes tersebut.

39. PN-1523-L10376

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan semula biasiswa MyBrain ataupun mewujudkan program biasiswa baharu setara bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah.

40. PN-1523-L10147

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria bagi syarikat memohon Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) dan adakah sebarang tindakan telah atau akan diambil terhadap pihak yang terlibat dari Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) yang menilai permohonan Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) syarikat MyAirline.

41. PN-1523-L10259

Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan menyeluruh dalam merujuk sebahagian besar pesakit yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara ke Klinik-klinik Kesihatan yang sedang dilaksanakan pada masa sekarang. Umum tahu bahawa keadaan dan situasi semasa Klinik-klinik Kesihatan yang sedia ada terlalu terbeban dengan jumlah pesakit sedia ada yang datang mendapatkan rawatan setiap hari.

42. PN-1523-L10065

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan jangka panjang dan pendek oleh Kerajaan untuk memastikan pembangunan dan penemuan perubatan (inovasi) khususnya dalam keterjaminan bekalan ubat/vaksin dan peralatan perubatan terutamanya dalam mencegah dan melawan sebarang wabak seperti COVID-19.

43. PN-1523-L10366
Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah serta lokasi pusat Rehat dan Rawat di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo.
44. PN-1523-L09825
Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Daerah Belaga boleh dihubungi dengan jalan-jalan raya yang baik dan jambatan di kawasan Nanga Merit supaya rakyat tidak perlu melalui 'U-turn' di Sibu untuk ke Kapit dari Pekan Belaga.
45. PN-1523-L10063
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan lulusan program Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang masih lagi menunggu untuk pelantikan ke jawatan itu serta perancangan Kementerian untuk mengatasi isu ini.
46. PN-1523-L10578
Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang berdaftar di bawah Kementerian khususnya terhadap pendidikan tahfiz di Negeri Kedah.
47. PN-1523-L10488
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan pihak Kerajaan untuk menyelaraskan bidang kuasa antara Kementerian dan agensi Kerajaan yang terkait dalam isu kos sara hidup rakyat seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup agar tiada masalah *in silo* sesama organisasi Kerajaan.
48. PN-1523-L10462
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik pelanggaran syarat lesen pemberi pinjam wang dan apakah langkah yang menjamin hak peminjam supaya tidak dizalimi.

49. PN-1523-L10279
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam memastikan peningkatan sesi pembelajaran formal di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.
50. PN-1523-L10126
Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kerjasama awam-swasta termasuk dengan Kementerian Belia dan Sukan yang akan dibentuk untuk menjadikan Sabah sebagai sebuah destinasi tumpuan bagi penganjuran sukan bertaraf antarabangsa seperti *Ironman* yang boleh dijadikan sebagai tarikan baharu sektor pelancongan di negeri tersebut menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.
51. PN-1523-L09977
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah jalan yang masih belum diturap di perkampungan Orang Asli.
52. PN-1523-L10107
Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mekanisme terbaharu yang sedang dirangka bagi mengawal isu unit rumah tidak terjual selain cadangan cukai pengosongan yang dikenakan ke atas pemaju yang gagal menjual unit masing-masing selain cadangan pengenalan cukai pengosongan (vacancy tax).
53. PN-1523-L10611
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan peranan berfokus yang dimainkan bersama oleh FELCRA Berhad menerusi FELCRA Plantation Services dalam meningkatkan keberhasilan padi tempatan sebagai usaha jangka pendek bagi mengurangkan kebergantungan pasaran terhadap bekalan beras import.
54. PN-1523-L09889
Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pada tahap manakah kesediaan negara dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) terutamanya dalam hal yang melibatkan jurang antara pekerjaan dengan kemahiran digital dan teknologi yang masih ketara.

55. PN-1523-L10209

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status memorandum persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Kemboja berkenaan pengambilan tenaga buruh dari Kemboja untuk pembantu rumah dan industri baru-baru ini.

56. PN-1523-L10429

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fokus lebih dinamik Yayasan Pelaburan Bumiputera dan Permodalan Nasional Berhad dalam memastikan agihan dividen pendapatan saham-saham amanah ditingkatkan dan jumlah rosot nilai dikurangkan agar akauntabiliti dan kompetensi prestasi Pengurusan Tertinggi dan Kanan Tabung-tabung Amanah dikawal selia dengan baik dan berintegriti tinggi sesuai dengan kepercayaan yang diberikan pelabur.

57. PN-1523-L09929

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk menaik taraf tandas wanita di kawasan rehat dan rawat di Lebuhraya PLUS kerana hal ini adalah satu keperluan yang amat mendesak memandangkan 85% tandas yang ada ialah tandas jenis cangkung yang tidak mesra pengguna, sedangkan keperluan utama pengguna wanita ialah tandas jenis duduk, terutama bagi wanita yang berusia dan wanita yang bersaiz besar.

58. PN-1523-L10399

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif dari pihak Kementerian untuk menangani sindiket penipuan peluang pekerjaan yang telah menjadikan ribuan rakyat Malaysia sebagai mangsa kerana kebanyakan agensi pekerjaan tidak mempunyai lesen agensi yang perlu berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja.

59. PN-1523-L10109

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) telah dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan rakyat terutamanya golongan B40 serta jumlah penerima projek dan jumlah dana yang telah diluluskan bagi Sabah pada tahun ini.

60. PN-1523-L10174

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah jangka panjang untuk memastikan bekalan makanan keperluan rakyat mencukupi, mengambil kira pelbagai faktor di masa hadapan yang bakal mempengaruhi perancangan/sasaran Kementerian.

61. PN-1523-L09838

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah kaedah untuk memastikan barang-barang bersubsidi boleh sampai kepada sasaran terutamanya di pedalaman Sarawak.

62. PN-1523-L10391

Datuk Paul Igai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menambah elaun anggota/pegawai Polis yang berkhidmat di kawasan pedalaman seperti di pekan kecil, Julau Sarawak. Kenaikan elaun ini akan memberi lebih insentif dan memberi motivasi serta menaikkan semangat/moral mereka.

63. PN-1523-L10014

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian dalam memperkasakan bidang pertanian negara supaya tidak bergantung kepada bekalan tanaman import secara berterusan terutamanya jika negara pengimport mempunyai iklim yang hampir serupa dengan negara kita.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.31/2023) Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 – **Bacaan Kali Kedua**
Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang”.

(29 November 2023)

[Menteri Kewangan]
2. *(D.R.36/2023) Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]
3. (D.R.28/2023) Rang Undang-Undang Kecekapan dan **Bacaan Kali Kedua**
Konservasi Tenaga 2023

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]
4. (D.R.29/2023) Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik **Bacaan Kali Kedua**
(Pindaan) 2023

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.